BAB 7

7.0 Kesimpulan

Bab ini merupakan penutup tirai bagi penyelidikan ini. Hal-hal seperti dapatan-dapatan penyelidikan, prospek dan cadangan serta kesimpulan akan dimuatkan dalam bab ini.

7.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan ke atas pemikiran St. Thomas Aquinas dan Meykandar bagi mengkaji persamaan dan perbezaan pendapat antara kedua-dua tokoh tersebut mengenai konsep ketuhanan. Pada amnya, kajian perbandingan ini terdiri daripada tujuh bab iaitu bahagian pendahuluan, pengenalan kepada falsafah Barat dan India, bukti-bukti kewujudan Tuhan, sifat-sifat Tuhan, hubungan Tuhan dengan jiwa, hubungan Tuhan dengan ciptaan dan akhir sekali ialah bahagian kesimpulan. Konsep ketuhanan ini telah dianalisis berdasarkan pelbagai perspektif.

7.2 Dapatan-dapatan

Melalui kajian penyelidikan ini, pengkaji dapat merumuskan beberapa dapatan berhubung dengan pemikiran St. Thomas Aquinas dan Meykandar mengenai konsep ketuhanan. Berikut adalah dapatan-dapatan daripada kajian penyelidikan ini:

7.2.1 Bukti-bukti Kewujudan Tuhan

Secara umumnya, pandangan St. Thomas Aquinas dan Meykandar adalah bersifat teistik kerana masing-masing dipengaruhi oleh agama Kristian (khususnya mazhab Katolik bagi Aquinas) dan agama Hindu (khususnya mazhab Saivisme bagi Meykandar). Pendekatan falsafah mereka bagi membuktikan kewujudan Tuhan menggambarkan keseragaman pemikiran antara kedua-dua tokoh tersebut. Mereka memulakan hujah dengan kaedah epistemologi. Ia diikuti pula dengan aspek-aspek seperti sifat-sifat Tuhan dan hubungan Tuhan dengan entiti lain seperti jiwa dan dunia. Pendekatan falsafah yang sistematik ini menunjukkan penekanan yang diberikan ke atas penggunaan akal fikiran bagi membuktikan kewujudan Tuhan.

Pendekatan ini juga memaparkan pengaruh tokoh-tokoh falsafah (seperti Albertus Magnus, Aristotle bagi St. Thomas Aquinas) dan guru-guru agama (seperti Thirujnana Sambantar, Appar, Suntarar, Manikkavaasagar, Paranjothi Munivar bagi Meykandar) ke atas pemikiran kedua-dua tokoh tersebut. Penggunaan bentuk-bentuk hujah seperti hujah kosmologi dan hujah moral membuktikan pengaruh agama masing-masing ke atas pendirian dan pegangan mereka tentang konsep ketuhanan. Keimanan mereka terhadap konsep ketuhanan juga sedikit sebanyak membolehkan mereka menerima hujah-hujah seperti hujah kosmologi dan hujah moral bersama kaedah-kaedah lain dalam bidang epistemologi seperti kaedah persepsi, inferens dan testimoni.

7.2.2 Sifat-sifat Tuhan

St. Thomas Aquinas dan Meykandar mempunyai persamaan dan perbezaan pemikiran mengenai sifat-sifat Tuhan. Persamaan pemikiran mereka dapat dilihat dalam sifat-sifat seperti rupa bentuk Tuhan, pengetahuan, kebijaksanaan, kemuliaan dan kebaikan, kebebasan, kebahagiaan, kekuasaan, sifat transendental dan ada di mana-mana serta peranan Tuhan sebagai Pencipta alam semesta. Bagi mereka, Tuhan adalah Maha Suci, Maha Mengetahui, Maha Bijaksana, Maha Mulia, Maha Bebas, Maha Bahagia, Maha Berkuasa dan Pencipta alam semesta ini.

Sedangkan perbezaan pemikiran di antara Aquinas dan Meykandar pula dapat dilihat dalam sifat-sifat seperti konsep Siva dan Sakti, pengurniaan dan kemahuan, Tuhan terdiri daripada zat-Nya, Tuhan adalah Takdir dan Tuhan adalah Pencipta segala-galanya. Sifat-sifat ini telah dikemukakan dengan cara yang tersusun bersama kaedah dan alasan falsafahnya tersendiri.

Perbandingan di antara St. Thomas Aquinas dan Meykandar dalam aspek sifat-sifat Tuhan memperlihatkan bahawa sifat-sifat persamaan adalah lebih banyak daripada perbezaan. Persamaan dan perbezaan sifat-sifat ini menunjukkan bahawa terdapatnya beberapa faktor seperti pengaruh daripada agama, ahli falsafah, tokoh agama dan tradisi atau corak falsafah masing-masing yang mempengaruhi pemikiran mereka.

7.2.3 Hubungan Tuhan Dengan Jiwa

Dalam aspek hubungan Tuhan dengan jiwa, terdapat banyak perbezaan di antara St. Thomas Aquinas dan Meykandar. Aquinas melihat jiwa dari perspektif agama dan psikologi sedangkan Meykandar pula menyentuh konsep jiwa ini dari pendekatan agama dan falsafah.

Dalam aspek kewujudan jiwa, Aquinas menerima kewujudan jiwa. Menurut beliau, jiwa adalah ciptaan Tuhan. Sedangkan bagi Meykandar pula, jiwa adalah entiti yang wujud secara kekal abadi dan bukannya dicipta oleh Tuhan. Tambahan pula, Meykandar juga telah mengemukakan tujuh pendalilan yang utama bagi membuktikan kewujudan jiwa.

Dalam aspek keabadian jiwa, penjelasan Aquinas agak berbeza daripada Meykandar. Menurut Aquinas, seolah-olah ada dua jenis jiwa iaitu jiwa yang akan kekal abadi (jiwa yang bersifat rasional) dan jiwa yang akan musnah (jiwa bagi benda yang tidak berakal). Menurut Meykandar, semua jiwa adalah bersifat kekal abadi. Semua makhluk yang berakal sahaja mempunyai jiwa. Sedangkan benda-benda yang tidak berakal tidak mempunyai jiwa.

Aquinas berpendapat bahawa minda manusia tidak mempunyai idea-idea sejadi sewaktu lahir di dunia ini. Pengetahuan yang diperolehi adalah datangnya daripada

pengalaman pancaindera kita. Menurutnya lagi, manusia mempunyai keupayaan untuk memperolehi pengetahuan.

Meykandar berbeza pendapat dan baginya jiwa secara semula jadinya mempunyai kebolehan untuk memperolehi pengetahuan tetapi kekotoran *aanava* menyebabkan pengetahuannya menjadi kabur. Jiwa memerlukan jasad dan segala perlengkapan lain untuk memperolehi pengetahuan bagi dirinya. Segala pengetahuan tersebut tidak akan terhapus bersama kematian/kemusnahan jasadnya. Pengetahuan ini membantu jiwa untuk memperolehi jasad yang lebih baik pada kelahiran akan datang (untuk mencapai pembebasan). Meykandar memberi penekanan kepada doktrin *karma* dan konsep kelahiran semula sedangkan Aquinas pula tidak menyentuh perkara yang sedemikian rupa.

Dalam aspek daya, Aquinas mengesan lima daya iaitu daya yang berkaitan dengan pembiakan dan pertumbuhan, daya sensitif yang ada hubungan dengan keinginan, daya yang menggerakkan sesuatu, daya untuk berfikir dan daya untuk mengenal. Dalam penjelasan Aquinas, seolah-olah terdapat dua jenis daya, daya yang berkekalan dalam jiwa (daya yang tidak bergantung kepada jasad secara intrinsik) dan daya yang hanya akan berfungsi sewaktu jiwa bergabung dengan jasad.

Menurut Meykandar, jiwa mempunyai daya untuk mengetahui, berhasrat dan membuat sesuatu. Tetapi semua daya ini tidak dapat berfungsi selagi tidak ada bantuan daripada Tuhan.

Menurut Aquinas, 'manusia' merujuk kepada gabungan di antara jiwa dan jasad. Maka perbuatan 'aku' merujuk kepada kombinasi kedua-dua unsur tersebut. Jiwa dan jasad saling bergantung antara satu sama lain. Jiwalah yang memberikan nyawa kepada jasad. Dengan bantuan jasad tersebut manusia (gabungan jiwa dan jasad) memperolehi pengetahuan.

Menurut Meykandar, bukan manusia sahaja yang terdiri daripada jiwa dan jasad malah semua mahkluk yang bernyawa (seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan) juga terdiri daripada kombinasi ini. Tafsiran Meykandar ke atas istilah 'aku' merujuk kepada jiwa sahaja. ('Aku' itu bukanlah jasad ataupun gabungan di antara jiwa dan jasad). Meykandar juga memberi penekanan ke atas doktrin *karma*. Beliau berpendapat bahawa jiwa akan mengambil pelbagai jasad supaya ia dapat mencapai proses pembebasan dalam pelbagai kelahiran yang dilaluinya. Namun, pengambilan jasad atau pemberian jasad (oleh Tuhan) ini bergantung kepada doktrin *karma*. Doktrin *karma* pula akan diawasi oleh Tuhan.

Bagi Aquinas, jiwa dicipta oleh Tuhan. Maka jiwa adalah cerminan kesempurnaan Tuhan. Menurut beliau, pada dasarnya penciptaan ini wujud kerana Tuhan mempunyai kemahuan-Nya, Tuhan mencintakan zat-Nya dan kesempurnaan-Nya. Aquinas telah menggunakan cara analogi bagi menghubungkan Tuhan dengan manusia. Tuhan dan manusia bukanlah sama ataupun tidak sama secara mutlak. Dengan kata lain, manusia masih mempunyai hubungan dengan Tuhan kerana mereka masih memiliki sifat-sifat Tuhan tetapi dengan darjah kesempurnaan yang berbeza.

Menurut Meykandar pula, Tuhan tidak menciptakan jiwa. Jiwa wujud secara kekal abadi sama seperti Tuhan. Hanya jasad dan alam semesta dicipta oleh Tuhan demi kepentingan jiwa. Tuhan menjalankan fungsi kosmik-Nya demi kepentingan jiwa dan bukanlah bagi keperluan diri-Nya. Hubungan di antara jiwa dengan Tuhan seperti mana yang diutarakan oleh Aquinas adalah bagai Pencipta (Tuhan) dengan ciptaan (jiwa). Sedangkan hubungan yang dikemukakan oleh Meykandar pula adalah bagai Pemberi (Tuhan) dan penerima (jiwa) bantuan.

Aquinas yang datang dari tradisi agama Kristian tidak terdedah kepada konsep-konsep seperti doktrin *karma*, konsep *paasa*, konsep pembebasan dan sebagainya. Tetapi Meykandar yang datang dari tradisi agama Saivisme sudah pun dipengaruhi oleh doktrin-doktrin tersebut yang hanya terdapat dalam tradisi falsafah India. Pengaruh tradisi agama dan falsafah mempengaruhi pemikiran St. Thomas Aquinas dan Meykandar dalam aspek hubungan Tuhan dengan jiwa.

7.2.4 Hubungan Tuhan Dengan Ciptaan/Dunia

Doktrin penciptaan Aquinas dipengaruhi oleh ilmu fizik Aristotle (mewakili pemikiran falsafah) dan pandangan kitab suci *Bible* (mewakili pemikiran teologi). Beliau cuba merasionalkan dan menyelaraskan fakta-fakta falsafah dan teologi.

Meykandar pula dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Saiva Siddhanta yang mengandungi bahagian agama dan falsafah. Falsafah Saiva Siddhanta menerima lebih

daripada satu kategori sebagai entiti abadi. Menurut falsafah Saiva Siddhanta, jiwa mengalami penderitaan kerana dipengaruhi oleh kekotoran *aanava*. Oleh itu, Tuhan mencipta alam semesta dan jasad (bagi semua makhluk) daripada jirim *maayaa* demi pembebasan jiwa tersebut. Meykandar berpendapat bahawa penciptaan Tuhan melibatkan kosmos dan jasad sahaja. Jiwa bukanlah ciptaan-Nya kerana ia adalah bersifat kekal abadi seperti Tuhan.

Dari segi proses penciptaan, Aquinas berpendapat bahawa Tuhan mencipta alam semesta ini daripada 'yang tidak ada' atau 'tanpa apa-apa' (*ex nihilio*). Tuhan adalah Pencipta segala-galanya. Tuhan adalah Sebab Pertama dan tidak ada sebarang jirim primer bagi kewujudan kosmos ini. Tuhan wujud secara kekal abadi dan apa sahaja yang dikatakan wujud adalah datangnya daripada Tuhan.

Meykandar pula beranggapan bahawa alam semesta dan jasad dicipta oleh Tuhan daripada jirim *maayaa*. Sedangkan jiwa adalah entiti yang bersifat kekal abadi. Ia tidak dicipta oleh Tuhan. Proses penciptaan melibatkan tiga sebab iaitu Sebab Kebendaan Sebab Tambahan/Pembantu dan Sebab Efisien. Oleh itu, penciptaan adalah suatu proses evolusi yang dilakukan ke atas jirim *maayaa* (oleh Tuhan demi kebaikan jiwa). Penciptaan alam semesta yang berdasarkan *maayaa* ini dipanggil sebagai *satkaaryavaada* dalam falsafah Saiva Siddhanta. Falsafah Saiva Siddhanta ini menerangkan fungsi kosmik Tuhan seperti pemeliharaan, penghapusan, penyembunyian dan penganugerahan. Pendapat yang sedemikian adalah berbeza daripada pemikiran Aquinas.

Aquinas juga berpendapat bahawa hanya Tuhan yang terlibat dalam proses penciptaan ini. Menurutnya lagi, hanya Tuhan yang boleh mencipta. Kuasa untuk mencipta adalah prerogatif Tuhan dan ia tidak boleh diberitahu kepada mana-mana makhluk. Tuhan mencipta pelbagai makhluk secara langsung. Bagi beliau, Tuhan Siva (bersama Sakti-Nya) memainkan perana penting dalam proses penciptaan ini kerana fungsi kosmik adalah tindakan sukarela-Nya.

St. Thomas Aquinas berpendapat bahawa Tuhan mencipta alam semesta dengan penuh bebas. Meykandar berpendapat bahawa Tuhan melaksanakan penciptaan ini menurut kehendak-Nya. Tuhan adalah Maha Penyayang dan Pengasih.

Dari segi tujuan penciptaan, Aquinas berpendapat bahawa Tuhan mencipta segala-galanya bukanlah untuk mendapatkan sesuatu bagi diri-Nya. Penciptaan adalah bertujuan untuk menyebarkan kebaikan-Nya. Oleh itu, beliau tidak menerima kenyataan bahawa Tuhan mencipta dunia untuk mendapatkan sesuatu yang tidak ada pada-Nya ataupun bagi kemuliaan/kebanggaan diri-Nya.

Menurut Meykandar, proses evolusi yang dilakukan oleh Tuhan adalah demi kebahagiaan jiwa iaitu untuk menolong jiwa mencapai proses pembebasan dan mengalami kegembiraan kekal bersama Tuhan. Kedua-dua tokoh ini bersependapat bahawa Tuhan melakukan penciptaan bukanlah bagi kepentingan-Nya sendiri tetapi ia adalah demi kepentingan jiwa (bagi Meykandar) atau makhluk-Nya (bagi Aquinas).

Aquinas menggambarkan alam semesta ini sebagai penuh dengan aneka jenis atau hirarki daripada pelbagai benda yang seolah-olah wujud seutas rantai (*chain of Being*). Wujudan yang terkandung dalam rantai wujudan adalah seperti malaikat, manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan empat unsur seperti udara, tanah, api, dan air. Pendek kata, kepelbagaian dalam ciptaan Tuhan menggambarkan/mencerminkan kesempurnaan Tuhan (yang tak terhingga nilainya) dari perspektif yang berbeza.

Menurut Meykandar, Tuhan tidak menciptakan jiwa. Ciptaan Tuhan meliputi alam semesta dan jasad sahaja. Menurutnya, jiwa dan jasad adalah dua entiti yang berbeza. Antara kedua-dua entiti tersebut, hanya jasad yang dicipta oleh Tuhan.

Dalam aspek masalah kejahatan ataupun penderitaan, Aquinas dan Meykandar mempunyai tanggapan yang tidak sama. Bagi Aquinas, kejahatan bukanlah sesuatu benda yang bersifat positif; bukan disengajakan; bukan juga suatu zat. Oleh itu, kejahatan bukanlah ciptaan Tuhan. Kejahatan hanya wujud pada ketiadaan keperluan hidup atau penderitaan yang terdiri daripada gaya perbuatan yang tidak sesuai. Kejahatan juga dibahagikan kepada kejahatan moral dan kejahatan fizikal.

Menurut Meykandar, jiwa menderita kerana kekotoran *aanava*nya. Sebab itulah Tuhan mencipta alam semesta dan jasad untuk menolong jiwa bagi menghapuskan *aanava* tersebut. Dengan ini jiwa dapat mencapai kegembiraan kekal. Beliau juga berpendapat bahawa penderitaan yang dialami oleh semua makhluk di dunia ini adalah disebabkan oleh tindakan lampaunya iaitu hukum *karma*. Tindakan makhluk yang baik

akan membawa pahala dan kegembiraan. Di sebaliknya, tindakan yang jahat pula akan membawa dosa dan penderitaan. Penderitaan makhluk ini dapat dielakkan jika makhluk tersebut melakukan tindakan yang baik seperti sembah kepada Tuhan, menolong umat manusia dan sebagainya.

Bagi Aquinas, segala-galanya adalah ciptaan Tuhan. Oleh itu, hubungan di antara Tuhan dengan ciptaan adalah sangat erat. Menurutnya lagi, semua ciptaan menjadi cerminan kesempurnaan Tuhan. Tuhan adalah punca/matlamat bagi semua makhluk. Oleh itu, semua ciptaan bergantung kepada Penciptanya iaitu Tuhan.

Bagi Meykandar pula, hubungan Tuhan dengan ciptaan melibatkan jiwa. Tuhan ingin menghapuskan penderitaan jiwa, sebab itulah semua ciptaan direka bentuk daripada jirim *maayaa*. Tuhan dikatakan menghubungi setiap jiwa dengan tiga cara yang berlainan iaitu '*ondraai*' (bersatu), '*veeraai*' (berbeza) dan '*udanaai*' (bersama). Semua hubungan ini dilakukan menerusi fungsi kosmik-Nya.

Dalam aspek hubungan Tuhan dengan ciptaan ini, kedua-dua tokoh tersebut bersependapat bahawa hanya ciptaanlah (dan jiwa) yang terpaksa bergantung kepada Tuhan dan bukan sebaliknya. Tuhan adalah Maha Sempurna, Maha Bahagia, Maha Berkuasa, Maha Mengetahui, Maha Baik, Maha Mulia, Maha Penyayang, Maha Pengasih, Maha Wujud dan matlamat bagi segala-galanya.

7.3 Prospek dan Cadangan

Konsep ketuhanan merupakan suatu aspek yang luas dan dalam. Ia juga suatu konsep yang penting dalam bidang falsafah. Konsep ini mempunyai tafsiran yang berbeza di antara para pemikir Timur dan Barat. Sebab itulah pengkaji telah menumpukan kajian penyelidikannya ke atas pemikiran St. Thomas Aquinas dan Meykandar. Konsep ketuhanan ini masih boleh dikaji dari perspektif yang berlainan.

Dari perspektif falsafah Barat, para ahli falsafah mempunyai pandangan yang berlainan mengenai konsep ketuhanan ini. Misalnya St. Augustine dan St. Anselm mempunyai pandangan yang berlainan daripada St. Thomas Aquinas dalam hal ini. St. Augustine memberi penekanan pada hujah kosmologi (*cosmological argument*) sedangkan St. Anselm pula menegaskan hujah ontologi (*ontological argument*). Oleh itu, selain daripada St. Thomas Aquinas, kita juga boleh mengkaji konsep ketuhanan ini secara terperinci dari sudut pandangan St. Augustine, St. Anselm dan sebagainya. Penyelidikan yang sedemikian bukan sahaja dapat memperlihatkan pemikiran tokoh-tokoh tersebut malah boleh mengembangkan falsafah Barat.

Dari perspektif falsafah Saiva Siddhanta pula, kita juga boleh mengkaji konsep ketuhanan ini dalam karya-karya falsafah yang lain seperti '*Siva Jnana Siddhiyaar*' dan '*Sivappiragaasam*' yang masing-masing ditulis oleh Arulnandhi Sivaachaariar dan Umaapathi Sivam. Karya-karya ini juga menjelaskan pemikiran falsafah Saiva Siddhanta ini secara terperinci dengan contoh-contohnya sekali. Selain daripada konsep ketuhanan,

falsafah ini juga memberi penekanan kepada entiti lain seperti *pasu* (jiwa) dan *paasa* (ikatan). Entiti tersebut diterangkan secara terperinci kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep ketuhanan.

Selain daripada kajian secara berasingan, kajian perbandingan juga boleh dilakukan di antara para pemikir Barat dan Timur dengan menyentuh aspek-aspek lain seperti teori epistemologi, unsur-unsur logik dan sebagainya. Diharap kajian yang sedemikian bukan sahaja dapat melahirkan dapatan-dapatan serta pemikiran yang baru dalam bidang falsafah malah boleh menambahkan lagi pengetahuan kita tentang konsep ketuhanan.

7.4 Penutup

St. Thomas Aquinas dan Meykandar merupakan dua orang tokoh yang masing-masing terkenal sebagai tokoh agama dan falsafah dalam falasafah Barat dan falsafah Saiva Siddhanta. Penyelidikan ini membuktikan bahawa terdapatnya persamaan dan perbezaan pemikiran antara kedua-dua tokoh tersebut. Penggunaan kaedah seperti persepsi, inferens, testimoni serta hujah-hujah seperti kosmologi, moral dan sebagainya menggambarkan pemikiran mereka yang rasional dan logik. Kaedah yang sistematik ini digunakan oleh mereka bagi merasionalkan fakta-fakta agama masing-masing.

Pada dasarnya, pemikiran mereka telah pun dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti latar belakang tempat, agama, kebudayaan, corak kehidupan yang berlainan dan

pengaruh daripada tokoh-tokoh agama dan falsafah. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa pemikiran mereka bukan sahaja mewakili pendirian mereka malah secara tidak langsung ia juga menggambarkan corak pemikiran masyarakat Barat dan India pada abad ke-13.

Mereka masih memberikan pelbagai sifat kesempurnaan kepada Tuhan bagi meninggikan kebesaran-Nya. Mereka sependapat bahawa Tuhan adalah Maha Suci, Maha Bebas, Maha Bahagia, Maha Berkuasa dan Pencipta alam semesta. Walaupun kedua-dua tokoh ini telah memberikan pelbagai sifat kepada Tuhan, namun mereka sedar bahawa Tuhan membenarkan atau menerima semua tafsiran manusia terhadap-Nya. Walaupun pendekatan falsafah serba-sedikit dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuan kita mengenai Tuhan, namun kita tidak dapat mengetahui sifat-sifat-Nya yang sebenar dengan sempurna kerana manusia adalah tidak sempurna sedangkan Tuhan adalah Maha Sempurna. Oleh itu, segala-galanya adalah atas penganugerahan-Nya kerana Tuhan sahaja yang dapat membuka misteri-Nya.